

Sri Lanka mahu contohi Malaysia majukan pendidikan maya, pertanian

UM 10 SEP 2021
KUALA LUMPUR 9 Sept. — Sri Lanka ingin mencontohi langkah dan pengalaman Malaysia dalam membangunkan sektor pendidikan maya, pertanian dan juga infrastruktur.

Perdana Menterinya, Ranil Wickremesinghe berkata, Sri Lanka juga menyasarkan untuk meningkatkan kerjasama dua hala dengan Malaysia dalam pelbagai bidang.

“Sebagai sebuah negara yang baru pulih daripada menghadapi waktu sukar, Sri Lanka berhasrat untuk mendapatkan khidmat dan kepakaran Malaysia dalam segala hal,” katanya dalam satu sidang akhbar di Hotel Shangri-La di sini hari ini.

Wickremesinghe berada di sini bagi lawatan kerja selama dua hari yang akan berakhir esok.

Mengulas lanjut mengenai tujuan beliau mengadakan

lawatan ke Malaysia, Wickremesinghe memberitahu ia adalah sebagai menghargai sokongan yang diberi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Sri Lanka ketika berhadapan dengan konflik.

“Saya sememangnya mengikuti perkembangan Malaysia di bawah kepimpinan Dr. Mahathir sejak dulu lagi,” katanya lagi.

Tambah Wickremesinghe, selain menyatakan penghargaan kepada Dr. Mahathir, kunjungan yang diadakan juga bertujuan untuk menjelaskan mengenai perkembangan terkini proses rundingan damai Sri Lanka.

“Gencatan senjata yang sedang berkuat kuasa sekarang adalah satu petanda positif yang proses berkenaan akan berakhir di meja rundingan,” jelas beliau apabila ditanya mengenai keadaan di Sri Lanka.

Gencatan senjata di antara pihak berkuasa Sri Lanka dan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) dikuatkuasakan sejak 18 bulan yang lalu.

Wickremesinghe sebelum itu melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Putrajaya.

Beliau turut menerima kunjungan hormat daripada Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding dan menghadiri jamuan makan tengah hari bersama Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S.Samy Vellu.

Esok beliau dijadualkan mengadakan sesi taklimat dengan ahli perniagaan Malaysia serta menghadiri majlis anjuran Institut Kepimpinan dan Strategik ASEAN (ASLI).